

Oleh HASSAN AHMAD

BANYAK orang, baik dari Barisan Nasional (BN) mahupun dari parti-parti Barisan Alternatif (BA) tidak menyangka dan terperanjat dengan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 yang baru selesai. Mengapa tidak? Lima buah negeri dikuasai oleh BA dan di Parlimen kerajaan BN hanya mempunyai suara majoriti kecil, tidak lagi berjaya mengekalkan suara dua pertiga yang dikuasainya sejak pilihan raya pertama tahun 1955 (waktu itu BN masih dalam bentuk asalnya, iaitu Parti Perikatan yang terdiri daripada tiga parti sahaja - UMNO, MCA dan MIC).

Paling memeranjatkan ialah kecundangannya Presiden MIC dan Presiden atau pemangku Presiden Gerakan dan kalahnya beberapa banyak pemimpin parti ini dan parti MCA, baik di peringkat negeri mahupun di peringkat Parlimen.

Beberapa menteri UMNO juga kalah, iaitu Datuk Seri Zainuddin Maidin, Datuk Seri Aziz Shamsuddin dan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil. Kekalahan Shahrizat di tangan calon muda, Nurul Izzah, 27, mungkin tidak disangka oleh banyak orang, walaupun saya meramalkan kemenangan Nurul dengan alasan-alasan tertentu yang tidak perlu saya sebutkan di sini, kecuali alasan umum bahawa faktor Anwar Ibrahim memainkan peranan penting menangnya calon PKR itu.

Apabila saya meneliti calon-calon BN yang dipilih untuk bertanding, baik di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), lebih-lebih lagi di peringkat Parlimen, saya sudah dapat meramalkan kekalahan tidak kurang daripada 30 calon.

Dua sebabnya yang utama ialah: Calon itu diketahui oleh banyak orang bahawa dia tidak cekap, tidak pandai, tidak berilmu, dan sering mementingkan kuasa dan darjatnya. Kedua, calon itu diketahui atau telah menjadi isu berhubung dengan perbuatan rasuah biarpun bukan dia yang melakukannya telah dipilih untuk bertanding.

Inilah contoh kesalahan dan ketidakpekaan moral dan budaya dalam pemilihan calon untuk bertanding.

Dan ketiga, calon itu sombong, suka bercakap besar atau bercakap sesuka hatinya, tidak menggunakan otak. Bandingkan dengan Datuk Nik Aziz Nik Mat, misalnya. Beliau berkata, lebih kurang begini: "Kita semua adikberadik. Lepas pilihan raya ini, kita lupa kan perbezaan kaum dan bangsa. Kita adil dan menolok orang tidak kira bangsa. Inilah ajaran Islam."

Menurut pandangan saya, jikalau orang yang lebih baik rekodnya dan diketahui oleh rakyat sebagai orang yang baik, tidak korup, dan jujur dipilih untuk bertanding (dan tidak melantik lebih kurang 30 orang yang kalah itu) besar kemungkinan mereka akan menang.

Selain itu, beberapa bulan menjelang pili-

han raya, beberapa perkembangan serius dan buruk berlaku dan didedahkan kepada rakyat. Perkembangan ini cukup mempengaruhi sikap, kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap 'kebersihan kerajaan'.

Antara perkembangan yang buruk itu didedahkan melalui kisah 'pita video Lingam'. Berdasarkan segala cerita yang disampaikan kepada suruhanjaya yang meneliti kes ini, rakyat mengetahui betapa buruk dan dahsyatnya cara sistem keadilan di negara ini tunduk kepada kehendak dan permainan seorang peguam dan kehendak atau kepentingan tauke-tauke tertentu.

La sehinggakan keputusan pengadilan hakim ditulis oleh peguam bela kes tertentu, dan hakim berkenaan cuma membaca keputusan yang ditulis oleh peguam itu. Ini kisah yang dahsyat. Rakyat akan lebih takut untuk menghadap mahkamah!

Seorang calon Parlimen dari DAP, iaitu Gwo-Burne yang menjadi saksi utama dalam kes rakaman video V. K. Lingam itu menang di kawasan Kelana Jaya, mengalahkan calon BN, Datuk Lee Hwa Beng. Gwo-Burne terperanjat atas kemenangannya.

Hwa Beng juga terperanjat atas kekalahan-nya kepada 'orang yang tidak terkenal'. Siapakah yang menang sebenarnya? Yang menang ialah rakyat. Yang kalah ialah sistem yang korup.

Tindakan kerajaan menentang dan 'mencegah' kumpulan rakyat yang cuba menyampaikan suara atau apa-apa memorandum kepada kerajaan juga mempengaruhi sentimen rakyat terhadap kerajaan.

Memang ada kumpulan itu, misalnya Hindraf, agak melampau dan boleh menimbulkan huru-hara dan bantahan daripada kaum lain, terutama bangsa Melayu. Tetapi 'rusuhan' tidak akan berlaku jikalau pemimpin kerajaan menghadapi tuntutan mereka secara bijaksana dan mesra.

Kalau saya Perdana Menteri, saya akan mengajak pemimpin-pemimpin kumpulan itu datang ke pejabat atau ke rumah untuk berbincang sambil minum kopi. Saya akan mendengar apa masalah mereka, apa tuntutan mereka, secara tertutup.

Kalau munasabah dan benar, saya akan berjanji untuk menyelesaikannya; kalau melampau dan tidak benar dan salah, mereka akan diberitahu dengan baik supaya jangan melampau. Melalui proses musyawarah ini tentu akan lahir persefahaman, permuafakatan demi kepentingan negara dan rakyat tanpa mengira kepentingan kaum. Inilah cara Islam.

Akhirnya, pihak yang mendesak dan menuntut itu dan ini akan menjadi sahabat kita; mereka akan menghormati kita dan memahami pendirian dan dasar kita. Kita juga akan memahami masalah mereka. Amanlah. Tetapi kalau mereka berdegil dan terus melakukan tindakan yang melampau, barulah kita tentang dan cegah mereka. Tindakan

ui kesilapan



KUASA rakyat sebagai pengundi tidak boleh diambil mudah oleh mana-mana parti politik.

- Gambar hiasan

kita itu pasti akan disokong oleh rakyat bahkan oleh kaum berkenaan.

Soal harga barang dan harga minyak naik, ini masalah yang memang biasa berlaku dalam sistem ekonomi kapitalisme atau ekonomi 'pasar bebas' yang tidak dikawal secara sistematik dan adil oleh kerajaan bagi pihak rakyat.

Kita biasa mendengar kata-kata bahawa dalam sistem ekonomi pasaran bebas yang tidak dikawal oleh kerajaan secara moralnya, rakyat yang miskin akan bertambah miskin dan golongan yang kaya bertambah kaya. Saya menerima pesanan ringkas tidak berhenti-henti sampai saya naik bosan, yang menyamakan BN dengan 'barang naik'.

Tuntutan

Bagaimanapun masalah harga barang ini dengan mudah dapat diselesaikan oleh kerajaan asalkan kerajaan tidak terlalu berserah kepada tuntutan pasaran dan perniagaan. Tidak ada negara di dunia, termasuk Amerika Syarikat, jaguh 'pasar bebas' (konon!) yang membiarkan pasaran di negeri sendiri bergerak dan berkembang secara bebas tanpa kawalan awam sehingga sistem itu menjadi sistem penindasan atau eksploitatif dan monopolistik.

BN tentunya akan mengadakan post-mortem. Istilah ini mungkin tidak sesuai digunakan kerana post-mortem hanya dilakukan terhadap mayat, iaitu orang yang sudah mati. BN belum mati lagi.

Orang-orang BN, baik yang menang mahupun yang kalah dalam pilihan raya ini, semuanya masih hidup dan mereka tentunya tahu (kalau mereka benar-benar mahu berfikir secara rasional dan bijaksana) sebab-sebab dan faktor-faktor mengapa mereka mengalami kekalahan itu.

Mereka mesti memeriksa apakah silap budaya dan moral mereka, dan tidak hanya memeriksa apakah silap dasar mereka. Saya katakan demikian kerana dasar kerajaan BN, dalam bidang apa pun, baik ekonomi atau pendidikan atau bidang-bidang lain, boleh jadi baik - mungkin cukup baik - untuk negara pelbagai etnik, bahasa, budaya dan agama ini.

Tetapi ini tidak bererti bahawa dasar yang baik itu dilaksanakan dengan 'cekap, bersih dan amanah'. Inilah punca segala masalah yang timbul dari dasar itu. Orang menyalahkan dasar, padahal yang salah ialah pelaksanaannya yang tidak adil dan tidak cekap. Misalnya, sistem kehakiman di negara ini baik, tidak salah.

Yang salah ialah para hakim yang tidak cekap, tidak jujur, tidak amanah, dan rasuah. Melantik orang yang tidak layak, tidak cekap dan tidak amanah untuk menjadi menteri, timbalan menteri dan ketua-ketua pegawai untuk melaksanakan dasar dan sistem yang baik.

Ini adalah salah satu punca utama mengapa dasar kerajaan sering tidak berjaya mencapai matlamatnya, dan sering menimbulkan masalah. Kadang-kadang dasar yang sudah baik diubah-ubah menurut kepentingan pi-

hak-pihak yang berkepentingan sendiri atau menurut sesuka hati orang yang berkuasa berbuat demikian, lalu timbul masalah baru yang lebih teruk.

Orang yang hendak melakukan proses memperbaiki diri sendiri hendaklah orang yang benar-benar tahu apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka dibenci, tidak dipercayai dan akhirnya ditolak oleh sebahagian besar rakyat negeri ini. Memang, kita tidak boleh menafikan hakikat bahawa selama ini Malaysia adalah negara yang 'aman dan makmur'.

Rakyat Malaysia, terutama kaum yang kaya, mewah dan senang-lenang, patut bersyukur. Tetapi jangan kita bandingkan keadaan ini dengan negara yang tidak aman dan makmur seperti Iraq, Afghanistan dan beberapa banyak negara lain di Asia, Afrika dan di Amerika Selatan. Kalau Malaysia memang negara yang aman dan makmur - berkat pemerintahan kerajaan BN - mengapa pula dengan 'tidak disangka-sangka' rakyat menghukum kerajaan BN dengan memberi kuasa kepada parti pembangkang untuk memerintah di lima negeri dan melucutkan kuasa majoriti dua pertiga BN di Parlimen?

Kalau BN mahu melakukan proses pemeriksaan diri semula atau post-mortem, soalan inilah yang perlu dijawab dengan jujur, rasional, dan tidak menggunakan sentimen dan emosi dan alasan-alasan yang salah.

Kalau pemimpin berasa mereka bersalah atau bertanggungjawab, mengakuilah kesalahan dan kesilapan itu. Tiada manusia, makh-luk Allah, yang sempurna. Jikalau kita tidak tahu apakah kesalahan kita yang sebenarnya, atau tidak mahu mengaku kesalahan kita kerana ego, kerana lagak sombong, padahnya akan lebih dahsyat lagi empat tahun dari sekarang, iaitu dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Kata pepatah Melayu, sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada berguna.

Sesal dahulu bermakna, menyesal dan mengaku akan kesalahan kita lebih dahulu lebih baik, yakni, beruntung, daripada tidak berasa kesal dahulu dan menanggung akibat buruknya kemudian.

Orang BN, khususnya orang UMNO, janganlah terus bercakap besar, mengutuk orang lain, berlagak sebagai tauke, tidak sebagai pejuang rakyat, seolah-olah mereka-lah sahaja yang benar dan betul. Orang lain tidak diberi peluang untuk membalas cakap-cakap mereka itu. Rakyat akan bertambah marah dan benci jikalau mereka melihat orang BN, khususnya UMNO, seolah-olah macam tidak serik-serik.

□ **DATUK DR. HASSAN AHMAD** ialah bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, dan bekas Duta Malaysia ke UNESCO.